

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH
SELURUH MALAYSIA 2001
DI HOTEL EQUATORIAL, BANGI, SELANGOR
10 MEI 2001

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia- Nya kita dapat bersama-sama pada petang ini sempena Majlis Penutupan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis penutupan persidangan ini. Saya juga merasa gembira dengan izin Allah S.W.T Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001 telah selesai dengan selamat dan sempurna.

3. Pentadbiran daerah adalah peringkat pentadbiran Kerajaan yang paling hampir dengan rakyat. Justeru, pentadbiran daerah memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha memperjelaskan matlamat dan dasar negara kepada rakyat. Apabila rakyat faham dan jelas dengan tindakan dan langkah-langkah Kerajaan ini, maka mudahlah program pembangunan dijalankan. Apa yang berlaku pada masa kini, seperti demonstrasi jalanan dan penyebaran surat berantai dan khabar-khabar angin yang tidak masuk akal, membantutkan perjalanan projek pembangunan disebabkan oleh salah-faham rakyat terhadap Kerajaan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita kakitangan awam memperbetulkan keadaan ini. Kita juga tidak harus mudah terpengaruh dengan dakwaan yang tidak berasas sebelum menyelidik dan menjalankan penyiasatan yang mendalam terhadap perkara tersebut.

4. Banyak yang perlu dilakukan dalam usaha memperjelaskan matlamat dan dasar negara kepada rakyat di samping melaksanakan program-program pembangunan dengan pantas, cekap dan pada kos yang minimum. Di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), misi utama Kerajaan adalah untuk membelanjakan peruntukan yang disediakan pada kadar 100% atau dengan sepenuhnya agar objektif pembangunan negara dapat dicapai. Bagaimana kita hendak mencapai misi ini? Ia bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai sekiranya semua peringkat jentera pentadbiran Kerajaan berusaha bersungguh- sungguh. Kunci utama kepada kejayaan ini adalah kegigihan, ketekunan, dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bagi.

5. Satu hal yang sering dikaitkan dengan perkhidmatan awam ialah masalah kerenah birokrasi yang melampau. Itulah cemuhan dan rungutan yang sering kita dengar dan hadapi dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Saya pasti ini bukanlah masalah yang asing di peringkat daerah. Misalnya suatu projek sering tertangguh meskipun hanya baru di peringkat permulaan, seperti pembinaan tapak dan kerja-kerja awal permulaan projek. Di sinilah pentingnya jentera pentadbiran daerah dalam memastikan projek berjalan lancar seperti yang dirancang. Jentera pentadbiran daerah perlu memantau secara teliti projek-projek sebegini di peringkat bawah dan mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam mempercepatkan urusan kerja. Kita memiliki banyak jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri di mana kesemuanya tertakluk kepada sistem pemantauan yang diterajui oleh ICU, JPM.

Mudah-mudahan setakat ini kita telah berjaya dengan adanya komitmen yang diberikan oleh semua pihak termasuk tuan-tuan Pegawai Daerah. Ini menunjukkan Kerajaan benar-benar mahukan projek pembangunan negara dilaksanakan sepenuhnya dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pengukuhan ekonomi negara. Kerajaan sedar projek-projek sebegini mampu merangsang pihak swasta untuk sama-sama menggiatkan aktiviti ekonomi negara. Sebagai tunjang kepada negara, jentera pentadbiran negara adalah fasilitator yang menyediakan kemudahan prasarana dan landasan kepada pihak sektor swasta untuk lebih mampu bersaing di bidang ekonomi sama ada di dalam atau pun di luar negara.

6. Sesuai dengan senario ekonomi negara pada masa kini, jentera pentadbiran Kerajaan perlu bekerja dengan lebih gigih dalam usaha menjana semula ekonomi negara ke tahap optimum sebagai langkah berjaga-jaga menangani krisis kelembapan ekonomi dunia. Meskipun fundamental ekonomi negara kita begitu kukuh seperti yang dilaporkan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia baru-baru ini, tidak bermakna kita boleh berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan apa yang ada. Sektor Kerajaan memainkan peranan penting dalam hal ini kerana kita tidak boleh bergantung hanya semata-mata kepada sektor swasta untuk membangun negara. Bagi memastikan kita menjalankan peranan yang sewajarnya, maka ingin saya tegaskan perlunya penjawat awam tidak kira di peringkat manapun untuk menilai semula tugas dan tanggungjawab masing-masing dan mengorak langkah dengan lebih gigih dan tekun berdasarkan etika dan teras kerja perkhidmatan awam.

7. Teras kerja perkhidmatan awam yang saya maksudkan ini antaranya termasuklah berazam untuk meninggikan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri, berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara serta berpegang teguh kepada ajaran agama. Kesemua teras-teras ini jika diperhalusi dan diteliti serta diserap dalam kehidupan harian kakitangan awam, berupaya membentuk perkembangan sahsiah diri yang baik dalam usaha menjalankan tugas harian di bahagian dan peringkat masing-masing.

Sistem Pemantauan Projek (PMS)

8. Jentera pentadbiran Kerajaan kini telah semakin dipermudahkan berbanding pada zaman dahulu. Pelancaran Project Monitoring System (PMS) yang menggantikan sistem SMBSS pada dua hari yang lepas, menunjukkan bahawa melalui perkembangan dan kemajuan teknologi, proses pelaksanaan projek dan pemantauan menjadi lebih sistematik, pantas, tepat dan lengkap. Melalui satu sistem yang on-line pelbagai maklumat boleh dijanakan. Maklumat ini pula dikongsi bersama dalam satu rangkaian yang menyeluruh melibatkan kesemua kementerian dan agensi pelaksana projek pembangunan negara. Ini memudahkan proses kerja, mengurangkan kerenah birokrasi yang melampau atau red tape yang terlalu banyak dan merapatkan semua jentera pentadbiran Kerajaan di bawah satu sistem dan prosedur kerja yang sama.

9. Sewajarnya, Pegawai Daerah pula mengambil peluang di atas kecanggihan dan kemudahan IT yang dibangunkan untuk melaksanakan projek lebih cepat dan efisien berbanding dahulu. Pegawai Daerah khasnya dan penjawat awam yang lain sudah tentunya perlu melengkapkan diri dengan kemahiran penggunaan komputer dan berupaya memanipulasikan teknologi IT yang lainnya seperti internet dalam usaha mempertingkatkan mutu kerja. Apalah gunanya kita membangunkan sistem yang bernilai berjuta-juta ringgit tetapi tidak dapat digunapakai semaksimum yang

mungkin oleh penggunaannya sama ada di peringkat kementerian, agensi dan juga daerah. Sekiranya keadaan ini berlaku, tidak ada bezanya diwujudkan PMS bagi menggantikan sistem SMBSS yang terdahulu.

10. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi melaksanakan projek pembangunan, Pegawai Daerah khasnya perlu meningkatkan keutuhan dari segi peringkat pengurusan itu sendiri. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan bagi mempertingkatkan integriti perkhidmatan awam di negara ini. Hakikatnya, sama ada kita suka atau tidak, sistem nilai yang di pegang dan ditunjukkan oleh penjawat-penjawat awam secara langsung mempamerkan imej Kerajaan pemerintah. Jika imej yang ditonjolkan oleh penjawat-penjawat awam tidak meyakinkan dan kurang elok maka buruklah juga reputasi Kerajaan yang memerintah pada masa itu. Misalnya, sekiranya suatu bahagian pengurusan mengambil masa yang begitu lama dalam memproses maklumat dan dikatakan pula bersikap pilih kasih dalam memilih kontraktor berwibawa, maka orang awam iaitu rakyat akan menyimpulkan andaian bahawa sudah sememangnya begitulah senario pentadbiran awam. Pada halnya, insiden kecil ini tidak boleh diterima pakai dalam mengukur prestasi dan kedudukan sebenar keseluruhan jentera pentadbiran. Bak kata pepatah, disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga.

Arahan No.1, 2001

11. Menjawat jawatan di sektor awam tidaklah semudah yang disangkakan. Banyak halangan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi. Bidang dan skop tugas perkhidmatan awam juga begitu luas. Dalam erti kata yang lain beban kerja yang ditanggung oleh penjawat awam bukannya ringan dan mudah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah menggubal satu bentuk jentera pelaksanaan yang lebih efektif dan jelas. Ia dapat dijadikan sebagai panduan dan pedoman kepada jentera pentadbiran Kerajaan untuk bertindak dengan lebih efisien dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

12. Di hari yang sama ketika PMS dilancarkan, Arahan No. 1, 2001 telah diperkenalkan secara rasmi kepada semua peringkat jentera pentadbiran Kerajaan. Arahan No. 1, 2001 ini adalah pindaan kepada Arahan No. 1, 1996. Sesuai dengan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), Arahan No. 1, 2001 telah difokuskan kepada Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Wawasan. Diharapkan melalui Arahan ini, pentadbiran Kerajaan, di peringkat Kementerian, Agensi, Jabatan, Negeri dan Daerah akan lebih tersusun dan masing-masing mengetahui dengan jelas bidang kuasa dan peranan yang harus dimainkan. Kita tidak boleh lagi mengambil sikap tunggu dan lihat, sebaliknya perlu proaktif dalam usaha meningkatkan prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

13. Persidangan yang diadakan selama 3 hari ini, sudah semestinya memberi peluang kepada semua peringkat pentadbiran terutamanya daerah, untuk memberi pandangan dan input-input baru dalam usaha melaksanakan projek- projek pembangunan negara pada masa akan datang. Perbincangan antara muka atau interface yang diadakan di sepanjang persidangan ini, merupakan platform terbaik bagi peringkat daerah untuk mengutarakan masalah dan cadangan kepada peringkat pentadbiran yang lebih tinggi. Dengan ini, lebih mudahlah bagi pihak pentadbiran atasan untuk merangka rancangan pembangunan untuk rakyat.

Peranan ICU, JPM

14. Tugas dan peranan ICU, JPM sebagai Agensi Pusat yang memantau pelaksanaan projek pembangunan negara adalah amat jelas dan begitu cemerlang sekali. Di negara kita Kerajaan bukan sahaja merancang malah melaksanakan projek-projek pembangunan demi kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang dalam RRJP3 dan RMK8 berjalan dengan lancar dan mengikut jadual, ICU telah diberi tanggungjawab untuk;

14.1 memantau pelaksanaan dasar dan matlamat rancangan; dan

14.2 memantau pelaksanaan fizikal projek-projek pembangunan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

15. Saya percaya persidangan seumpama ini akan dapat membantu ICU dalam membuat pemantauan yang lebih efisien serta dapat mewujudkan hubungan yang lebih erat di antara semua pihak, terutama pentadbiran daerah di peringkat akar umbi dan Kementerian/Jabatan Persekutuan di peringkat atasan. Hubungan seperti ini sudah tentu akan dapat membantu jentera pentadbiran Kerajaan di semua peringkat bertindak dengan lebih cekap dan berkesan. Maklumat juga boleh disalurkan dengan lebih cepat, lengkap dan tepat.

16. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan besar Kerajaan kepada peringkat daerah, agar persidangan ini dapat membantu pihak daerah khususnya, untuk mengambil langkah-langkah susulan sewajarnya, dalam usaha melaksanakan projek-projek pembangunan secara pantas, efisien dan pada kos yang minimum. Harapan besar negara terletak pada bahu tuan-tuan, penjawat awam, untuk menjana semula pemulihan ekonomi negara. Jentera pentadbiran Kerajaan harus berwaspada dan gigih berusaha menjana ekonomi negara dalam menghadapi situasi kelembapan ekonomi dunia. Sebagaimana kita semua tahu dunia tidak lagi bergerak sebagai satu entiti yang berasingan. Proses globalisasi telah menyebabkan ekonomi negara turut menerima bahang dari kelembapan ekonomi negara-negara besar seperti Amerika, Jepun dan China. Oleh itu sekali lagi saya menyeru kepada semua peringkat jentera pentadbiran Kerajaan untuk sama-sama bersedia dan berpadu tenaga dan usaha serta memiliki semangat yang tinggi dalam tugas kita melaksanakan projek pembangunan sebaik mungkin.

17. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Datuk Dr. Zainul Ariff Hussin, Ketua Pengarah, ICU, Jabatan Perdana Menteri kerana telah menganjurkan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001 bagi kali yang ketiga dengan jayanya. Persidangan seperti ini sudah tentu akan memberi manfaat yang besar bukan sahaja kepada kumpulan sasar iaitu Pegawai Daerah sendiri malah turut memberi peluang kepada jentera pentadbiran atasan untuk bertemu dan mengadakan perbincangan antara muka. Dengan ini masalah di peringkat akar umbi dapat dikongsi bersama dan seterusnya mencetuskan kepada penyelesaian masalah yang lebih baik. Agak sukar dalam keadaan biasa bagi peringkat pentadbiran tertinggi untuk duduk semeja dengan peringkat pentadbiran akar umbi bagi membincangkan dasar, isu dan perancangan negara.

18. Sesi dialog yang kita adakan sebentar tadi telah memberi peluang yang amat baik kepada saya untuk berinteraksi dengan hadirin sekalian. Di samping itu saya juga mengharapkan agar peserta persidangan telah dapat mengambil peluang sebaiknya untuk sama-sama berkongsi idea dan pandangan bagi menjana pemulihan

ekonomi negara demi kemakmuran negara Malaysia yang kita cintai ini.

19. Akhir kata, sekali lagi, saya mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan persidangan ini sama ada pembentang kertas kerja, urus setia persidangan mahupun peserta yang terlibat. Semoga persidangan sebegini dapat diadakan lagi pada masa yang akan datang demi menjamin pembangunan negara sentiasa berada pada tahap yang membanggakan.

20. Dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya menutup Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001.

Terima kasih.